

Mahu jauhi zina

Wanita dalam dilema teruskan hubungan dengan teman lelaki

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

? Saya berusia awal 20-an, bekerja serta tinggal di ibu kota. Saya mempunyai seorang teman lelaki yang lebih tua dan masih belajar. Hubungan kami menjangkau lima tahun.

Saya mengaku kami agak jahil sebelum ini dan terlampau mengikut nafsu sepanjang tahun terawal perkenalan sehingga pernah terlanjur.

Saya insaf dan cuba berhenti melakukan dosa itu. Akhirnya, saya mengambil keputusan berhenti kerja dan pulang ke kampung halaman.

Saya mengambil peluang di kampung untuk menenangkan fikiran serta mendekatkan diri dengan Allah.

Pada masa yang sama, saya turut mengajak teman lelaki mendekatkan diri dengan Allah. Saya nampak ada perubahan dirinya seperti mula solat

dan membaca surah Yasin setiap malam Jumaat.

Saya sudah bertekad tidak mahu lagi melakukan maksiat dan ingin mencari pekerjaan di kampung dan tinggal bersama keluarga.

Namun, malangnya saya sukar mendapat pekerjaan dan akhirnya selepas beberapa bulan, saya ditawarkan bekerja di ibu kota semula.

Teman lelaki saya masih cuba untuk menjalin hubungan seperti dulu. Saya menolak dan berterus terang padanya tidak mahu lagi melakukan dosa.

Saya ingin mengajaknya berubah bersama saya tapi dia tidak dapat menerima keputusan itu kerana baginya ia sesuatu yang terlalu drastik.

Dia pernah memberitahu untuk memutuskan hubungan kami, tapi saya tidak mahu kerana masih sayang padanya, begitu juga dirinya.

Kami sebenarnya sudah merancang untuk berkahwin akhir tahun depan, namun saya buntu dan tidak tahu apa perlu dilakukan. Patutkah saya

memutuskan hubungan kami?


BUNTU,
Kuala Lumpur

! Penghijrahan adik untuk tidak melakukan perbuatan dosa adalah satu kekuatan dan amat dipuji. Dr gembira dengan tindakan itu dan berharap adik akan berterusan melakukan perkara baik dalam hidup.

Memang dalam mencari kebenaran, adik akan banyak menghadapi cabaran termasuk ajakan demi ajakan daripada kekasih untuk terus menjalin hubungan dan perbuatan seperti yang pernah dilakukan sebelum ini.

Dr juga melihat jika teman menyayangi adik, dia tidak akan meminta untuk melakukan sesuatu yang membabitkan perkara dosa kerana adik tidak suka melakukannya.

Dr amat faham bukan mudah untuk memutuskan sesuatu hubungan cinta yang menebal. Ia ibarat memecahkan tembok yang



gah kerana memerlukan kekuatan luar biasa untuk meruntuhkannya.

Namun, ada kalanya tembok itu perlu diruntuhkan jika ia hanya membawa lebih banyak kesengsaraan. Begitu juga dengan satu hubungan yang tidak

dapat membawa kepada satu titik persamaan dan pertemuan.

Hubungan itu akan lebih banyak memakan diri masing-masing.

Perancangan adik berdua untuk berkahwin adalah satu perkara yang

amat baik. Ia satu cara untuk mengelak daripada terus melakukan perbuatan dosa.

Dr doakan adik dapat mencari satu jalan pengakhiran yang akan membawa kebahagiaan tanpa membabitkan dosa.

Berdendam kerana bapa

? Saya sukar untuk berbaik sangka kepada orang lain, amat mudah berdendam dan mempunyai ego terlalu tinggi.

Walaupun orang yang melakukan kesalahan itu meminta maaf tapi dalam hati tetap membenci dan berdendam dengannya.

Mungkin ini disebabkan masa silam saya yang suka memendam perasaan marah kepada bapa sehingga menjadikan seorang yang keras hati.

Bagaimanakah hendak mengembalikan belas kasihan yang sekian lama hilang dalam hati saya?

! Terlimah kasih atas perkongsian permasalahan adik. Harap adik berada dalam keadaan baik dan sihat sejahtera. Isu ini berkenaan kepercayaan adik terhadap orang lain.

Bagi adik, setiap orang mempunyai kelemahan dan keburukan pada diri mereka yang perlu kita jauhi. Sebagaimana seseorang mempunyai kelemahan, mereka juga mempunyai kebaikan dan kelebihan masing-masing.


Perkara ini yang perlu adik berikan tumpuan apabila meletak sangkaan buruk kepada orang lain.

Dr merasakan adik juga tidak mahu jika orang lain berburuk sangka, berdendam atau membenci diri adik. Apa yang ingin Dr

sampaikan ialah cara kita melihat (bersangka) dengan orang lain akan mempengaruhi diri orang lain melihat diri adik nanti.

Malah, sangkaan baik terhadap orang lain akan mendorong kita mendoakan kebaikan orang itu. Dan percayalah kebaikan itu juga akan berbalik pada diri adik.

Seterusnya, memaafkan orang lain adalah lebih mudah berbanding menyimpan dendam. Bayangkan orang melakukan kesilapan hanya untuk beberapa waktu. Sebaliknya, menyimpan dendam memerlukan masa yang panjang ia hanya menambahkan racun seperti marah, tidak puas hati, kecewa dan geram dalam diri. Oleh itu, memaafkan



orang lain adalah umpama membuang racun dan ke-kotoran dalam diri. Ia akan menyebabkan diri adik lebih tenang dan tenteram.

Berkeenaan dengan kisah silam adik, perkara lalu tidak boleh diubah melainkan adik jadikan sebagai teladan untuk kehidupan sekarang dan akan datang.

Hidup dengan kisah silam tidak ubah seperti hidup dalam penjara yang tidak memungkinkan kita

untuk melakukan apa-apa sekali pun.

Allah memberikan ruang, peluang dan kekuatan kepada diri adik untuk menjadi insan lebih baik. Adik perlu memikirkan mengenai kehidupan sekarang dengan menjadi diri seperti mana kehendaki.

Dr yakin, adik semestinya tidak mahu sifat yang kurang baik masih menjadi darah daging sehingga sekarang. Berkeenaan untuk me-

mupuk perasaan belas kasihan, Dr menyarankan adik untuk banyak melakukan perbuatan seperti bersedekah, membantu meringankan bebanan orang lain atau memberikan kata-kata yang baik.

Ia mampu mendedahkan sifat ego kita yang merasakan diri perlu lebih daripada orang lain sama ada harta atau pengetahuan.

Dr menyarankan adik lebih banyak mendekati diri kepada Allah kerana Dia Maha Mengetahui apa yang adik hadapi serta kebaikan dan kelemahan diri adik.

Mohon kekuatan daripada-Nya untuk membantu diri adik mengurangkan perasaan negatif itu. Insha Allah, ia akan dapat membantu diri adik.